

BAB 5**RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN****5.1 Pengenalan**

Kajian ini telah dapat mengesan beberapa perkara tentang kesan maklum balas pembetulan kesilapan terhadap mutu karangan pelajar-pelajar. Kesan ini dilihat dari segi keberkesanan penggunaan kod pembetulan kesilapan bagi mengurangkan jumlah keseluruhan kesilapan dan kesilapan mengikut setiap jenis kesilapan dalam karangan berdasarkan ujian pra dengan ujian pos karangan.

Di samping itu, kajian ini telah dapat melihat kesan pembetulan kesilapan permukaan ayat dalam karangan terhadap markah komponen-komponen pencapaian karangan dan markah karangan. Pertalian antara aktiviti pembetulan kasilapan dengan markah komponen isi karangan telah juga diperoleh.

Akhir sekali, dapatan daripada kajian ini telah dapat mengesan kesedaran metakognisi pelajar-

pelajar, khususnya kesedaran terhadap kebolehan membetulkan kesilapan berdasarkan kod pembetulan kesilapan dan kesedaran aplikasi pengetahuan aspek permukaan ayat bagi membetulkan kesilapan dalam karangan.

Beberapa kesimpulan telah dapat dibuat hasil daripada dapatan-dapatan kajian. Di samping itu, beberapa cadangan dikemukakan bagi tujuan pedagogi karangan dan kajian-kajian lanjutan.

Semasa menjalankan kajian di sekolah, pengkaji telah berhadapan dengan beberapa masalah. Walau bagaimanapun, masalah-masalah diatasi dengan cara yang sebaik mungkin supaya tidak menjejaskan kajian.

Masalah pertama ialah kehadiran pelajar yang tidak lengkap. Oleh yang demikian, pengkaji perlu mempastikan bahawa ujian pra dan ujian pos karangan mewakili pelajar-pelajar yang mengikuti olahan sepenuhnya. Masalah kedua ialah guru yang terlibat dalam kajian ini kurang berjaya mengecam jenis kesilapan dan kadang-kadang meletakkan kod kesilapan

yang salah dalam karangan pelajar. Apabila kelemahan ini didapati terkandung dalam uji pra karangan, pengkaji telah mengambil alih tugas menanda karangan-karangan pelajar. Perbincangan antara pengkaji dan guru juga sering diadakan supaya guru mendapat maklumat tentang perkembangan pelajar, terutama berkait dengan kesilapan-kesilapan yang kurang berjaya dibetulkan oleh pelajar. Masalah seterusnya ialah pelajar-pelajar telah mengambil masa yang agak lama semasa membuat penyemakan buat kali pertama. Hal ini kerana pelajar-pelajar belum biasa dengan kod pembetulan kesilapan dan memerlukan masa untuk merujuk buku nota dan buku teks. Melalui bimbingan daripada guru, aktiviti penyemakan seterusnya berjalan dengan lebih baik.

5.2 Rumusan Dapatan-Dapatan

5.2.1. Rumusan Tentang Pembetulan Kesilapan

(a) Pembetulan kesilapan oleh semua pelajar

Secara keseluruhan, selepas olahan, pelajar-pelajar yang terlibat dalam kajian ini telah dapat

mengurangkan hampir separuh daripada jumlah keseluruhan kesilapan permukaan ayat dalam karangan. Hal ini membuktikan olahan telah membantu pelajar-pelajar meningkatkan ketepatan penggunaan aspek permukaan ayat dalam karangan.

Bagi setiap jenis kesilapan, olahan dalam kajian telah membantu pelajar-pelajar mengurangkan semua jenis kesilapan kecuali kesilapan jenis kata hubung yang telah bertambah jumlahnya. Walaupun begitu, pertambahan jumlah kesilapan ini tidak banyak berbeza daripada jumlah sebelum olahan. Bagi kesilapan jenis susunan perkataan, walaupun jumlah kesilapan jenis ini telah berkurang, tetapi jumlahnya tidak banyak berbeza daripada jumlah sebelum olahan; berbanding dengan kesilapan jenis ayat tergantung, imbuhan, perkataan, tinggal, tambah, tanda bacaan, dan ejaan. Nampaknya, jenis kesilapan yang paling berjaya dikurangkan ialah imbuhan, diikuti oleh tinggal dan ejaan.

(b) Pembetulan Kesilapan Oleh Pelajar Berpencapaian Tinggi Dan Pelajar Berpencapaian Sederhana

Dalam kajian ini, olahan pada aspek permukaan ayat telah membantu pelajar-pelajar berpencapaian tinggi dan berpencapaian sederhana mengurangkan jumlah keseluruhan kesilapan yang menunjukkan perbezaan jumlah yang sangat ketara dalam karangan antara sebelum dan selepas olahan. Walau bagaimanapun, kebolehan pelajar berpencapaian tinggi sedikit lebih baik berbanding pelajar berpencapaian sederhana kerana pengurangan berdasarkan jumlah keseluruhan kesilapan dan peratus keseluruhan kesilapan yang ditunjukkan oleh pelajar berpencapaian tinggi lebih baik berbanding pelajar berpencapaian sederhana. Hal ini mungkin menyebabkan perbezaan jumlah keseluruhan kesilapan yang agak ketara antara kedua-dua kumpulan pencapaian dalam karangan selepas olahan walaupun perbezaan ini kurang ketara dalam karangan sebelum olahan.

Berdasarkan kajian ini, didapati juga bahawa kebolehan kedua-dua kumpulan pencapaian mengurangkan

keseluruhan kesilapan adalah pada kadar yang tidak berbeza antara kedua-dua kumpulan. Oleh itu, walaupun pelajar berpencapaian tinggi menujukkan pengurangan jumlah dan peratus keseluruhan kesilapan yang lebih tinggi, kebolehan kedua-dua kumpulan mengurangkan keseluruhan kesilapan pada kadar yang tidak berbeza menunjukkan bahawa pelajar berpencapaian sederhana juga memperoleh manfaat daripada olahan. Di samping itu, olahan dalam kajian ini menunjukkan bahawa kebolehan mengurangkan kesilapan keseluruhan mengikut setiap pelajar juga telah menunjukkan pengurangan jumlah yang lebih kurang sama antara pelajar berpencapaian tinggi dengan pelajar berpencapaian sederhana.

Dapatan tentang pengurangan kesilapan menunjukkan pengurangan kesilapan adalah pada jumlah yang banyak bagi enam daripada sembilan jenis kesilapan, di kalangan kedua-dua kumpulan pencapaian. Jenis-jenis kesilapan itu ialah imbuhan, perkataan, tinggal, tambah, tanda bacaan, dan ejaan.

Pengurangan kesilapan jenis ayat tergantung tidak menunjukkan perbezaan jumlah yang banyak di kalangan pelajar berpencapaian sederhana, tetapi sebaliknya di kalangan pelajar berpencapaian tinggi. Faktor ini mungkin menyebabkan perbezaan jumlah kesilapan jenis ini sangat ketara dalam karangan selepas olahan, walaupun perbezaan jumlah bagi kesilapan jenis ini kurang ketara dalam karangan sebelum olahan. Pengurangan jumlah yang lebih banyak bagi kesilapan jenis ini di kalangan pelajar berpencapaian tinggi mungkin menyebabkan perbezaan jumlah yang ketara antara karangan sebelum olahan dengan karangan selepas olahan, di kalangan semua pelajar yang terlibat dalam kajian. Dapat dikatakan bahawa pengurangan kesilapan jenis ini lebih berkesan di kalangan pelajar berpencapaian tinggi.

Bagi kesilapan jenis ejaan, kedua-dua kumpulan pencapaian menunjukkan perbezaan jumlah yang kecil dalam karangan sebelum olahan. Walau pun begitu, kebolehan pelajar berpencapaian sederhana nampaknya mengatasi kebolehan pelajar berpencapaian tinggi kerana peratus pengurangan yang lebih tinggi

kesilapan jenis ini di kalangan pelajar berpencapaian sederhana. Berdasarkan kajian ini juga, didapati pelajar kedua-dua kumpulan pencapaian kurang berjaya mengurangkan kesilapan jenis susunan perkataan.

Dalam kajian ini, olahan pada kesilapan jenis kata hubung nampaknya tidak dapat membantu kedua-dua kumpulan pencapaihan mengurangkan jumlah kesilapan jenis ini kerana jumlah kesilapan jenis ini telah bertambah. Sungguhpun begitu, pertambahan jumlah kesilapan jenis ini sangat kecil di kalangan kedua-dua kumpulan pencapaian.

Dapatan tentang kadar pengurangan kesilapan mengikut setiap jenis kesilapan antara kedua-dua kumpulan pencapaian menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan pencapaian dapat mengurangkan kesilapan pada kadar yang sama. Bagi jenis kesilapan yang telah menunjukkan pertambahan jumlah, pertambahan juga menunjukkan kadar yang sama antara kedua-dua kumpulan pencapaian.

5.2.2. Rumusan Tentang Perubahan Markah Komponen-Komponen Pencapaian Karangan Dan Markah Karangan.

- (a) Perubahan markah komponen-komponen pencapaian karangan dan markah karangan di kalangan semua pelajar .

Dalam kajian ini, olahan pada aspek permukaan ayat telah memberi kesan peningkatan yang agak baik dari segi markah karangan pelajar-pelajar. Bagi komponen-komponen pencapaian karangan, terdapat peningkatan yang baik dari segi markah komponen struktur dan gaya bahasa, perbendaharaan kata, dan mekanis. Walaupun, markah penyusunan menunjukkan peningkatan, tetapi peningkatan markah komponen ini tidak memuaskan. Olahan pada aspek permukaan ayat nampaknya memberi kesan penurunan markah komponen isi karangan pelajar-pelajar. Sungguhpun berlaku penurunan markah komponen ini, perbezaan antara markah dalam karangan sebelum olahan dengan karangan selepas olahan tidak ketara.

Dapatan tentang taburan peratus pelajar mengikut gred markah karangan menunjukkan bahawa selepas olahan, lebih daripada tujuh belas peratus pelajar (7 orang) dapat meningkatkan gred berdasarkan markah karangan dan mengurangkan hampir separuh daripada peratus pelajar yang mendapat gred C. Hal ini menunjukkan bahawa olahan pada aspek permukaan ayat telah memberi kesan positif kepada markah karangan.

- (b) **Perubahan markah komponen-komponen pencapaian karangan dan markah karangan di kalangan pelajar berpencapaian tinggi dan pelajar berpencapaian sederhana.**

Kajian ini menunjukkan terdapat peningkatan yang agak memuaskan markah di kalangan pelajar berpencapaian tinggi, tetapi sebaliknya bagi pelajar berpencapaian sederhana. Oleh itu, peningkatan markah yang agak baik bagi semua pelajar mungkin dipengaruhi oleh faktor ini.

Pelajar dalam kedua-dua kumpulan pencapaian telah memperoleh peningkatan markah yang agak memuaskan bagi komponen struktur dan gaya bahasa,

perbendaharaan kata, dan mekanis. Hanya pelajar berpencapaian tinggi sahaja yang memperoleh peningkatan yang agak baik bagi markah penyusunan. Faktor ini mungkin mempengaruhi peningkatan markah komponen penyusunan yang tidak banyak berbeza di kalangan semua pelajar. Nampaknya, olahan telah memberi kesan penurunan markah komponen isi di kalangan kedua-dua kumpulan pencapaian.

Olahan pada aspek permukaan ayat juga menunjukkan kesan kadar peningkatan markah yang tidak berbeza antara kedua-dua kumpulan pencapaian bagi markah karangan dan markah komponen-komponen tertentu. Penurunan markah bagi komponen pencapaian isi antara kedua-dua kumpulan pencapaian juga menunjukkan hal yang sama.

Bagi komponen perbendaharaan kata, olahan pada aspek permukaan ayat membantu pelajar berpencapaian sederhana meningkatkan markah komponen ini sehingga markah pelajar berpencapaian sederhana tidak banyak berbeza dengan pelajar berpencapaian tinggi dalam karangan selepas olahan. Sebelum

olahan, terdapat perbezaan yang ketara pencapaian komponen ini antara kedua-dua kumpulan pencapaian.

Dapatan selanjutnya ialah kedua-dua kumpulan pencapaian menunjukkan peningkatan peratus pelajar yang mendapat gred yang lebih baik, dan mengurangkan peratus pelajar yang mendapat gred yang kurang baik. Pada keseluruhannya, jumlah pelajar berpencapaian sederhana telah menunjukkan bilangan peningkatan yang lebih tinggi berbanding jumlah pelajar berpencapaian tinggi. Manakala jumlah pelajar berpencapaian tinggi telah menunjukkan pertambahan gred markah yang lebih baik berbanding jumlah pelajar berpencapaian sederhana.

5.2.3 Rumusan Tentang Markah Komponen Isi Karangan

Dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa olahan pada aspek permukaan ayat dalam karangan tidak mempengaruhi markah isi karangan. Oleh itu, berdasarkan kajian ini, dapat dirumuskan bahawa terdapat faktor-faktor lain di luar kajian yang

menyebabkan pelajar-pelajar memperoleh markah yang kurang memuaskan selepas olahan.

5.2.4 Rumusan Tentang Kesedaran Metakognisi

Kajian ini menunjukkan pelajar kedua-dua kumpulan mempunyai kesedaran metakognitif yang tidak tepat. Dapatan daripada korelasi menunjukkan pelajar-pelajar kedua-dua kumpulan pencapaian tidak mempunyai kesedaran metakognisi yang tepat tentang kebolehan mereka untuk membetulkan kesilapan permukaan ayat dalam karangan, dan tentang aplikasi pengetahuan aspek permukaan ayat bagi tujuan membetulkan kesilapan. Dalam perkataan lain, pelajar-pelajar tidak mempunyai kesedaran yang tepat tentang pencapaian prestasi mereka.

5.3. Kesimpulan

Antara dapatan yang amat penting daripada kajian ini ialah tentang keberkesanan maklum balas bertulis guru yang tekal dan sistematik. Maklum balas guru yang tekal dan sistematik telah membantu pelajar-pelajar membetulkan kesilapan-kesilapan

permukaan ayat dalam karangan, tanpa mengira pencapaian pelajar. Dalam perkataan lain, dapatan-dapatan daripada kajian ini menjelaskan keberkesanan strategi pembetulan kesilapan dengan disokong oleh pengetahuan aspek permukaan ayat, telah dapat membantu pelajar-pelajar membetulkan sendiri dan seterusnya mengurangkan kesilapan-kesilapan dalam karangan mereka. Kebolehan ini telah menunjukkan ciri 'Optimal Monitor User' yang disebut dalam halaman 30. Ciri itu ialah pelajar-pelajar yang telah dapat menggunakan pengetahuan yang dipelajari untuk membetulkan kesilapan-kesilapan apabila diberi masa yang mencukupi.

Satu lagi dapatan yang penting ialah aktiviti pembetulan cara ini telah membantu pelajar belajar melalui strategi penyelesaian masalah. Pelajar-pelajar dibimbing secara sistematik bagi mengenalpasti jenis-jenis kesilapan yang dilakukan dan menggunakan maklumat yang tersimpan dalam ingatan jangka panjang, untuk membetulkan sendiri kesilapan-kesilapan. Oleh itu, dapatan ini selaras dengan saranan Corder (1981) dan Brumfit (1982)

bahawa pelajar-pelajar harus diberikan peranan yang lebih aktif dalam aktiviti yang membantu mereka menyelesaikan sendiri masalah pembelajaran. dapatan ini juga menyokong penegasan Meadows (1993) iaitu strategi yang memerlukan pelajar mengatasi masalah pembelajaran akan dapat meningkatkan pengetahuan kandungan secara beransur-ansur. Dalam kajian ini, peningkatan pengetahuan kandungan (pengetahuan aspek permukaan ayat) terbukti berdasarkan berkurangnya jumlah kesilapan dalam karangan pelajar-pelajar kedua-dua kumpulan pencapaian.

Kedua-dua dapatan di atas mengesahkan dapatan kajian Lanlade (1982) dan Ezell -(1993) yang pernah menggunakan kod pembetulan kesilapan. Dapatan di atas juga menyokong saranan daripada dapatan kajian Bushey (1991) iaitu,guru-guru patut membina strategi penyemakan yang konkrit dan spesifik supaya boleh digunakan secara efektif oleh pelajar-pelajar.

Dapatan-dapatan daripada kajian ini juga menyokong KBSM dan KBSR, dan pandangan Williams (1.3) tentang kepentingan pengajaran dan

pembelajaran aspek-aspek permukaan ayat, khususnya aspek tatabahasa. Berdasarkan dapatan kajian ini, pengetahuan aspek permukaan ayat yang diperoleh melalui pengajaran secara terancang di dalam kelas boleh dimanfaatkan secara berkesan untuk meningkatkan mutu karangan.

Analisis secara terperinci pembetulan kesilapan di kalangan kedua-dua kumpulan pencapaian telah menunjukkan beberapa dapatan yang menarik. Dapatan itu ialah, walaupun pelajar berpencapaian tinggi dapat mengurangkan peratus keseluruhan kesilapan yang lebih tinggi daripada pelajar berpencapaian sederhana, menyebabkan terdapat perbezaan jumlah dalam ujian pos, sedangkan tidak terdapat perbezaan dalam ujian pra, namun hal ini tidak menunjukkan bahawa penggunaan kod pembetulan kesilapan tidak sesuai untuk pelajar berpencapaian sederhana. Perkara ini jelas kerana kedua-dua kumpulan dapat mengurangkan keseluruhan kesilapan dan hampir semua jenis kesilapan pada kadar yang tidak berbeza. Di samping itu, peratus keseluruhan kesilapan yang dapat dibetulkan berdasarkan setiap pelajar juga

tidak menunjukkan perbezaan yang ketara antara kedua-dua kumpulan.

Pelajar kedua-dua kumpulan pencapaian nampaknya kurang berjaya mengurangkan jumlah kesilapan jenis susunan perkataan berbanding dengan kejayaan mengurangkan kesilapan-kesilapan lain. Di samping itu, kesilapan jenis kata hubung telah bertambah. Dalam kajian ini kesilapan jenis kata hubung dan susunan perkataan ialah kesilapan kategori ayat (rujuk halaman 95). Jika dilihat secara begini, strategi ini umumnya kurang berjaya membantu pelajar membetulkan kesilapan ayat dalam karangan. Krashen (1981), telah memberi peringatan bahawa hukum-hukum bahasa yang mudah dipelajari, paling mudah dibetulkan. Oleh itu, berkemungkinan hukum-hukum bahasa bagi susunan perkataan dan kata hubung(kategori ayat) mewakili hukum-hukum bahasa yang sukar dikuasai oleh pelajar-pelajar dalam kajian ini.

Dapatan yang agak memberansangkan ialah tentang peningkatan markah komponen struktur dan gaya

bahasa, perbendaharaan kata, mekanis, dan seterusnya markah karangan. Dengan mengambil kira bahawa aspek permukaan ayat terkandung dalam komponen-komponen pencapaian karangan, nampaknya aspek permukaan ayat telah memberi sumbangan terhadap peningkatan mutu karangan, terutama sekali di kalangan pelajar berpencapaian tinggi.

Satu lagi dapatan yang penting ialah, kajian ini menunjukkan bahawa markah isi yang kurang memuaskan tidak ada perkaitan dengan pembetulan kesilapan. Dapatan ini bertentangan dengan dapatan kajian oleh Fathman dan Whalley (1990) yang menunjukkan bahawa maklum balas pada aspek tatabahasa dapat memperbaiki pencapaian isi karangan pelajar-pelajar. Oleh itu, perhatian perlu diberikan kepada faktor-faktor lain yang dapat membantu pelajar meningkatkan markah komponen isi.

Dapatan yang tidak kurang nilainya ialah tentang kesedaran metakognisi pelajar. Dalam kajian ini, tanggapan yang tidak tepat tentang tahap pencapaian mereka / sendiri (kesedaran prestasi)

mungkin berpunca daripada keadaan pelajar-pelajar belum menguasai strategi membetulkan kesilapan. Kesannya, pelajar-pelajar belum cukup tahu apa yang sebenarnya mereka sudah tahu atau belum cukup tahu apa yang sebenarnya mereka belum tahu. Hal ini mungkin menyebabkan pelajar-pelajar membazirkan masa mencari strtegi-strategi pembelajaran yang sebenarnya tidak diperlukan lagi atau pun sebaliknya (Mohammad, 1992).

Dapat disimpulkan bahawa dapatan-dapatan daripada kajain ini menunjukkan bahawa maklum balas pada aspek permukaan ayat mempengaruhi mutu karangan. Hal ini kerana terdapat pengurangan kesilapan aspek permukaan ayat. Di samping itu, terdapat juga peningkatan markah komponen-komponen pencapaian tertentu dan seterusnya markah karangan. Oleh itu, dapatan-dapatan daripada kajian ini boleh dijadikan garis panduan oleh guru-guru bahasa untuk membantu pelajar-pelajar mengurangkan kesilaçan dalam karangan mereka.

5.4 Cadangan-Cadangan

5.4.1 Cadangan-Cadangan Untuk Pedagogi Karangan

Berdasarkan dapatan-dapatan kajian ini, beberapa cadangan dikemukakan agar dapat membantu guru-guru penulisan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan. Di samping itu, cadangan-cadangan ini dapat dijadikan panduan terutama sekali oleh pihak yang terlibat dalam latihan perguruan bagi merangka kursus-kursus untuk membina kemahiran-kemahiran yang sesuai untuk mengajar kemahiran menulis. Cadangan-cadangan untuk pedagogi karangan ialah;

- (i) Memberikan maklum balas dalam bentuk kod pembetulan bagi membantu pelajar mengecam dan membetulkan kesilapan permukaan ayat sambil meningkatkan pengetahuan aspek ini.
- (ii) Mengajarkan aspek permukaan ayat secara terancang bagi tujuan penulisan karangan.
- (iii) Memastikan aspek permukaan ayat dan komponen-komponen kemahiran lain karangan diberi pertimbangan yang sama berat untuk tujuan meningkatkan pencapaian karangan secara menyeluruh.

(iv) Membina kesedaran metakognitif melalui aktiviti-aktiviti yang terancang, contohnya penggunaan Helaian Kesedaran Kesilapan yang dapat membantu pelajar-pelajar memantau prestasi penulisan karangan.

5.4.2. Cadangan-Cadangan Untuk Pengkaji

Berdasarkan dapatan-dapatan kajian ini, beberapa cadangan dikemukakan kepada individu atau institusi yang berminat untuk membuat kajian.

Cadangan-cadangan itu ialah;

- (i) Kajian lanjutan yang melibatkan lebih ramai pelajar, penutur jati dan bukan jati, lelaki dan perempuan, dan pelbagai jenis karangan bagi mendapatkan gambaran yang lebih terperinci dan menyeluruh.
- (ii) Kajian lanjutan tentang keberkesanan memberi maklum balas secara serentak pada aspek permukaan ayat dan isi karangan.
- (iii) Kajian perbandingan kesan maklum balas berdasarkan pendekatan proses karangan dengan maklum balas berdasarkan pendekatan hasil karangan.

- (iv) Kajian tentang strategi-strategi pembetulan yang lebih sesuai untuk tujuan mengatasi masalah membetulkan kesilapan-kesilapan tertentu.

- (v) Kajian tentang strategi-strategi yang berkesan bagi membina kesedaran metakognisi di kalangan pelajar.